



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

KEMAS KINI MAKLUMAT PERMOHONAN BKM 2022

1. **S: Apakah tujuan pembukaan skrin kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022?**

J: Pembukaan skrin kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 adalah bagi membenarkan Permohonan BKM 2022 yang berstatus Lulus untuk membuat kemas kini maklumat asas terhad seperti maklumat berikut:

- i. Nombor Telefon Rumah
- ii. Nombor Telefon Bimbit
- iii. Alamat e-Mel
- iv. Nama dan Nombor Akaun Bank*
- v. Maklumat Wakil

*Terhad kepada akaun bank pemohon sekiranya status bayaran BKM 2022 adalah Gagal Kredit atau Tunai sahaja

2. **S: Bagaimanakah kaedah untuk membuat kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022?**

J: Kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 boleh dibuat seperti berikut:

- i. Secara dalam talian di Portal Rasmi BKM Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), <https://bkm.hasil.gov.my> ; atau
- ii. Penghantaran borang kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 di Cawangan LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang berhampiran.

Anda digalakkan untuk membuat kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 secara dalam talian supaya lebih mudah, cepat dan selamat.

3. **S: Dimanakah borang kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 boleh didapati?**

J: Borang kemas kini boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi BKM 2022 atau boleh didapati di Cawangan / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang berhampiran.

4. S: Bilakah tempoh kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022?

J: Tempoh kemas kini maklumat Permohonan BKM 2022 dibuka secara bertempoh pada tarikh yang ditetapkan sahaja. Jadual pembukaan skrin kemas kini adalah seperti di **Soalan 5**.

5. S: Saya telah membuat kemas kini maklumat wakil terkini. Bilakah wakil tersebut boleh hadir ke BSN bagi tuntutan pembayaran BKM 2022?

J: Maklumat wakil baharu akan dikemas kini dan diserahkan kepada pihak BSN pada setiap hujung bulan. Wakil tersebut boleh hadir ke BSN bagi tujuan penunaian bayaran BKM 2022 atau tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) BKM 2022 berdasarkan jadual di bawah:

Bil	Tarikh Kemas Kini Yang Dilakukan	Tarikh Tuntutan Di BSN
1.	Sehingga 27 Mei 2022	Mulai 30 Jun 2022
2.	20 Jun 2022 - 30 Jun 2022	Mulai 08 Julai 2022
3.	08 Julai 2022 - 29 Julai 2022	Mulai 08 Ogos 2022
4.	10 Ogos 2022 - 15 Ogos 2022	Mulai 27 September 2022*
5.	12 September 2022 – 29 September 2022*	Mulai 10 Oktober 2022*
6.	10 Oktober 2022 – 30 Oktober 2022*	Mulai 8 November 2022*

*Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa

6. S: Permohonan BKM 2022 ayah saya berstatus Tidak Layak dan saya telah mengemaskini maklumat wakil dalam tempoh sehingga 27 Mei 2022. Bilakah wakil terkini boleh hadir ke BSN bagi tuntutan pembayaran BKM 2022 pemohon?

J: Wakil terkini boleh hadir ke BSN bagi penunaian bayaran Fasa 1 BKM 2022 atau tuntutan SKK BKM 2022 pemohon mulai 08 Julai 2022.

7. S: Permohonan BKM 2022 saya berstatus Lulus dan saya telah membuat Permohonan Rayuan BKM 2022 dengan menukar status kepada Kahwin. Bagaimanakah cara untuk saya mengemaskini maklumat akaun bank atau maklumat wakil dalam permohonan BKM 2022 saya?

J: Bagi permohonan BKM 2022 yang berstatus Lulus dan telah mengemukakan permohonan rayuan tambahan, maklumat permohonan BKM 2022 pemohon tidak dapat dikemas kini. Pembukaan semula skrin kemas kini kepada pemohon akan dibuka mulai 10 Oktober 2022 (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

8. **S:** Kaedah pembayaran Permohonan BKM 2022 saya adalah kredit ke akaun bank pasangan. Sekiranya status akaun bank tersebut adalah tidak aktif sebelum pembayaran fasa seterusnya bermula, adakah saya boleh membuat kemas kini maklumat nama dan nombor akaun bank pasangan saya?

J: Tidak. Kemas kini maklumat nama dan akaun bank hanya dibenarkan bagi maklumat akaun bank pemohon sahaja sekiranya status bayaran BKM 2022 adalah:

- Gagal Kredit; atau
- Tunai

Maklumat akaun bank yang dikemas kini akan digunakan untuk pembayaran fasa seterusnya.

9. **S:** Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan wakil, siapakah wakil yang layak didaftarkan sebagai wakil?

J: Wakil yang layak didaftarkan terhad kepada Pasangan / Anak yang wujud pada Bahagian B / C Borang Permohonan BKM 2022 sahaja.